



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
NUKLEAR MALAYSIA
BAGI BULAN OGOS BIL. 6 /2024**

**TARIKH:
30 OGOS 2024 (JUMAAT)**

**TEMPAT:
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI) & DALAM TALIAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

YANG BERUSAHA DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN

Timbalan Ketua Pengarah

Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi

YANG BERUSAHA TS. DR. ISHAK BIN MANSOR

Timbalan Ketua Pengarah

Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA DR. NOR PA'IZA BIN MOHAMAD HASAN

Pengarah Bahagian Teknologi Industri menanggung tugas

Pengarah Kanan Program Pengkomersialan dan Perancangan Teknologi

YANG BERUSAHA CIK HABIBAH ADNAN

Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat selaku penganjur bagi Majlis

Perhimpunan Bulanan Bil.6/2024 hari ini

Pengarah-pengarah Bahagian, Pengurus-pengurus,

Warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu pada pagi yang penuh keberkatan ini dalam **Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia, Bilangan 6/2024** anjuran **Bahagian Pengurusan Maklumat**. Semoga semua warga Nuklear Malaysia sentiasa di bawah rahmat Allah SWT. Terima kasih kerana dapat meluangkan masa bersama-sama berhimpun pada pagi ini sama ada yang hadir secara fizikal mahupun secara dalam talian.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-67

2. Esok, 31 Ogos 2024, seluruh rakyat Malaysia akan meraikan sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67, maka pada hari ini marilah kita sama-sama menghayati erti kemerdekaan negara kita ini. Tema sambutan Hari Kebangsaan 2024 pada tahun ini ialah **Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka**. Malaysia Madani merupakan tunjang kepada kemakmuran dan kemajuan negara Malaysia melalui dukungan **6 nilai teras utama** iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ehsan. Tema ini adalah perlambangan kesepaduan secara holistik negara maju dan progresif menaungi rakyat berbilang kaum, bersatu hati serta teguh jati diri.

3. Justeru, saya menyeru semua warga Nuklear Malaysia untuk menzahirkan rasa cinta kita kepada negara dan kemerdekaan yang kita kecapai ini dengan lebih meluas. Selain mengibarkan jalur gemilang, mahupun mempamerkan semangat patriotik, kemerdekaan ini perlulah dihargai dengan memastikan 6 nilai teras utama Malaysia Madani ini dapat dilaksanakan dan dicapai demi kemakmuran dan kemajuan Malaysia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Hadirin Yang Dihormati,

4. Pejuang-pejuang negara seperti Tok Janggut, Mat Kilau, Datuk Bahaman, Datuk Maharaja Lela, Abdul Rahman Limbong, Dol Said, Rentap dan nenek moyang kita yang lain berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air. Kita yang mewarisi kemerdekaan ini, mestilah berjuang untuk mengekalkannya agar dapat terus diwarisi oleh anak cucu kita pula. Dalam konteks Nuklear Malaysia, perjuangan kita adalah dengan berusaha untuk memastikan aktiviti R&D kita tetap cemerlang dan membangunkan teknologi nuklear yang dapat dimanfaatkan demi kemajuan sosioekonomi negara selaras hala tuju Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030. Sebagai penjawat awam pula, kita mestilah memerdekakan Agensi dan diri kita daripada amalan dan sikap buruk yang akan merugikan negara kelak.

KAWALAN PERBELANJAAN AWAM

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Pada minggu lepas, warga Nuklear Malaysia telah pun menerima hebahan berkaitan PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.1 GARIS PANDUAN KAWALAN PERBELANJAAN AWAM (KEMASKINI 2024) yang berkuatkuasa pada 25 Julai 2024. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memastikan semua Ketua Jabatan yang menerima peruntukan Kerajaan Persekutuan melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Secara umumnya, beberapa perkara penting yang ingin saya tekankan berdasarkan pekeliling ini ialah:

- i. Keperluan tambahan bagi perkara kritikal dan mendesak akan ditampung melalui penjimatan peruntukan sedia ada sama ada secara trade-off atau memansuhkan program-program yang tidak memberi impak signifikan kepada rakyat.
- ii. Permohonan peruntukan tambahan untuk menampung sebarang keperluan yang tidak kritikal tidak akan dipertimbangkan.
- iii. Pegawai Pengawal perlulah melaksanakan semakan semula program/aktiviti sedia ada bagi mengenalpasti penjimatan yang boleh digunakan untuk menampung program/aktiviti baharu secara trade-off dengan program/aktiviti yang tidak lagi relevan atau didapati tidak memberi keberkesanan kepada kumpulan sasaran serta matlamat yang hendak dicapai.

- iv. Dari segi perjawatan pula, pengurusan perjawatan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Pelaksanaan satu-satu fungsi juga perlu dilakukan secara kreatif dan inovatif agar dapat mencapai tahap produktiviti tertinggi berdasarkan sumber manusia sedia ada.

- v. Bagi perbelanjaan utiliti dan barang pakai habis agensi perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan penjimatan perbelanjaan utiliti seperti telekomunikasi, elektrik dan air. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh warga yang mana, bil elektrik Nuklear Malaysia amat tinggi, mencecah RM setengah juta sebulan. Saya maklum bahawa kita mempunyai pelbagai loji dan kemudahan serta peralatan yang menjadi faktor, namun masih ada ruang untuk kita cuba menjimatkan penggunaan elektrik dan mengelakkan pembaziran wang rakyat ini.

- vi. Perbelanjaan peruntukan pembangunan juga perlu diberi perhatian. Agensi dikehendaki memantau secara rapi kemajuan projek agar setiap projek tersebut siap dalam tempoh ditetapkan. Sebarang arahan perubahan (variation order atau VO) yang mengakibatkan pertambahan kos projek hendaklah dielakkan dan sekiranya amat perlu berdasarkan peraturan semasa, VO tersebut perlu ditampung menggunakan penjimatan saling semasa agensi.

6. Suka saya untuk mengingatkan semula, agar semua Pengarah Bahagian dan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan perbelanjaan untuk sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan Pekeliling Perbendaharaan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang tindakan surcaj boleh diambil ke atas mereka sekiranya didapati tidak mematuhi peraturan.

MAJLIS AMANAT PERDANA, PERKHIDMATAN AWAM KE 19

Warga Nuklear Malaysia yang dihormati sekalian.

7. Ketika Majlis Amanat Perdana, Perkhidmatan Awam ke-19 yang lalu, YAB Perdana Menteri menyeru semua penjawat awam bukan sahaja bertekad untuk mencintai negara, malah mengangkat martabat negara menjadi negara yang cemerlang di rantau Asia. Hasrat ini hanya dapat dicapai dengan menyuburkan budaya kerja baik dalam diri setiap penjawat awam. Saya ingin mengingatkan warga Nuklear Malaysia dan saya sendiri agar kita menjauhi amalan rasuah, penyelewangan dan malas dalam melaksanakan tugas dan amanah ini.
8. Kerajaan juga telah bersetuju agar Sistem Saraan Malaysia (SSM) diganti kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuatkuasa 1 Disember 2024. Saya percaya, ramai yang memberi perhatian kepada pengumuman kenaikan gaji yang telah lama ditunggu oleh penjawat awam. Alhamdulillah, kita bersyukur dengan pengumuman pelarasaan gaji secara berperingkat sebanyak 15% kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan pegawai Kumpulan

Pengurusan dan Profesional; dan sebanyak 7% kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

9. Walau bagaimanapun, marilah kita lihat juga aspek lain SSPA yang lebih penting. SSPA adalah satu sistem saraan berteraskan nilai dan prestasi. Ganjaran yang diberikan kepada penjawat awam hendaklah dibayar kembali dalam bentuk peningkatan kadar produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, peningkatan kesediaan penjawat awam dalam melaksanakan perubahan dan akhirnya akan membawa kepada peningkatan daya saing negara.
10. Dari aspek pengurusan prestasi, tatakelakuan dan pengurusan tatatertib terdapat **Penambahbaikan bagi Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395]** yang antara lain mewujudkan peraturan baharu bagi menangani isu kegagalan tadbir urus pengurusan kewangan awam dan pengukuhan prosedur tatatertib yang lebih tegas. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab saya selaku Ketua Jabatan dan pengurusan tertinggi untuk memperkukuh integriti dan tatakelola di Nuklear Malaysia. Oleh itu, kami tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan melaporkan sebarang salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib dan implikasinya boleh menjejaskan peluang-peluang kenaikan pangkat dan lain-lain.

PENGURUSAN PENGETAHUAN

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

11. Sebagaimana yang kita maklum, pengurusan pengetahuan adalah elemen penting dalam memastikan aset pengetahuan, maklumat, dan data berharga mengenai sains dan teknologi nuklear diurus dengan baik, disimpan dengan selamat, dan dapat diakses dengan mudah oleh mereka yang memerlukan. BPM, melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti telah memastikan bahawa kita bukan sahaja menyimpan dan menyebarkan pengetahuan, tetapi juga membudayakan nilai-nilai ilmu pengetahuan ini di dalam organisasi kita. BPM juga bergerak aktif bersama-sama Jawatankuasa Pengurusan Pengetahuan (JKKM) Nuklear Malaysia dalam usaha mempromosikan budaya pengurusan pengetahuan dengan memupuk kesedaran tentang kepentingan pengetahuan dalam bidang nuklear.

PENERBITAN

12. Pendokumentasian pelbagai sumber maklumat berkaitan sains dan teknologi nuklear turut dilaksanakan dengan pelbagai cara termasuklah penerbitan akademik, laporan penyelidikan, artikel jurnal, dan bahan ilmiah lain yang relevan dengan aset pengetahuan nuklear. Selain itu, penerbitan juga penting bagi tujuan penyebaran maklumat mengenai sains dan teknologi nuklear kepada orang awam. Saya menyeru semua warga Nuklear Malaysia khususnya pegawai penyelidik untuk menyokong usaha ini dan menulis pelbagai bahan penerbitan yang juga merupakan salah satu output aktiviti R&D kita.

NUCLEAR RANGERS

13. Program Jangkau Luar Pendidikan Nuklear (*Nuclear Education Outreach - NEO*) merupakan salah satu inisiatif bagi mempromosikan sains dan teknologi nuklear kepada masyarakat umum. Untuk memastikan keberkesanan aktiviti kesedaran dan penerimaan awam ini, pasukan *Nuclear Rangers* yang terdiri dalam kalangan pegawai yang memiliki minat, kemahiran, keupayaan, dan pengalaman yang relevan telah diwujudkan. Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh BPM bersama-sama dengan pasukan ini seperti ceramah di sekolah-sekolah dan universiti, pameran bergerak di seluruh negara hinggalah kepada penghasilan bahan pendidikan yang inovatif. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli *Nuclear Rangers*, yang dianggotai oleh lebih daripada 50 pegawai Agensi Nuklear Malaysia, atas dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi sejak pasukan ini diwujudkan sejak tahun 2019.

Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,

PERTANDINGAN *INTERNATIONAL* *NUCLEAR* *SCIENCE* *OLYMPIAD (INSO) 2024*

14. Pada 31 Julai 2024 hingga 7 Ogos 2024, pertandingan *International Nuclear Science Olympiad (INSO) 2024* yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan minat terhadap sains

dan teknologi nuklear dalam kalangan pelajar sekolah menengah telah diadakan di New Clark City, Filipina. Saya difahamkan seramai empat orang pelajar yang mewakili Malaysia telah melakar kejayaan cemerlang dengan membawa pulang dua pingat perak dan dua pingat gangsa. Kumpulan peserta ini diketuai oleh Dr. Mark Dennis Usang (Agensi Nuklear Malaysia) dan Lim Teng Sheng (Program Sains Nuklear, Fakulti Sains dan Teknologi UKM). Mereka juga merupakan finalis akhir dalam pemilihan peserta peringkat kebangsaan melalui Malaysia Nuclear Science Olympiad (MyNSO) 2024 yang dianjurkan oleh Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia. Turut terlibat selain Nuklear Malaysia ialah Jabatan Tenaga Atom dan Pusat Sains Negara, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Penganjuran dan penyertaan kali pertama ini telah mendapat sokongan dan tajaan sepenuhnya daripada pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Malaysia juga akan menjadi penganjur bersama IAEA bagi penganjuran INSO kali kedua pada tahun 2025.

15. Akhir kata, terima kasih dan syabas diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat yang berjaya menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bil.6/2024 dan tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan perhimpunan kali ini termasuklah Bahagian Sokongan Teknikal (BST), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Kejuruteraan (BKJ) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) atas komitmen yang telah diberikan. Saya juga ingin mengambil peluang

ini, untuk mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Kebangsaan 2024** kepada semua warga Agensi Nuklear Malaysia.

MERDEKA, MERDEKA, MERDEKA.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.